



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 2 (38)

Tarikh : 18 Januari 2022

SENARAI EDARAN

YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMATUHAN KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN YANG BERKUATKUASA BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Ke-27/2014 yang bersidang pada 8 Ogos 2014, Perkara (A14) bersetuju 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) diguna pakai tetapi tertakluk kepada penerimaan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

3. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan/ Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah sentiasa merujuk dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, Jabatan/ Agensi mestilah mematuhi sepenuhnya semua arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang melalui Surat Edaran atau Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang yang merupakan pindaan atau penambahbaikan terhadap Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Sri/ Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YH Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR